

Susunan lelaki kucing menggganas lagi

10/1/08 H.M. m.c. 2

**Lakaran wajah mirip
suspek bunuh Nurin**

PETALING JAYA: Selepas kira-kira 48 jam Nur Fatiha Zaidi, 6, terselamat daripada menjadi mangsa cabul 'lelaki kucing', Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya membuat lakaran wajah lelaki yang disyaki melarikan kanak-kanak berkenaan dengan motosikal, petang Isnin lalu.

Lakaran wajah suspek disediakan berdasarkan keterangan Nur Fatiha yang diambil pegawai di IPD Petaling Jaya semalam bagi memudahkan polis memburu suspek dikehendaki itu.

Fotofit suspek didedahkan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamad, kepada media bagi membolehkan saksi atau orang ramai yang mengenali lelaki terbabit, segera menghubungi polis.

Pada sidang akhbar tergempar jam 8 malam tadi, Arjunaidi berkata, suspek yang berusia 30-an itu dipercayai masih bebas, justeru beliau meminta orang ramai lebih berhati-hati supaya kejadian sama tidak berulang.

Bagaimanapun, lakaran suspek lelaki kucing yang didedahkan semalam mencetuskan seribu tanda tanya apabila wajahnya didapati 80 peratus mirip iras muka suspek lelaki yang dikehendaki berhubung kes culik dan bunuh Nurin Jazlin Jazimin, 8, pada tahun lalu.

Lakaran diedarkan polis pada 3 Oktober lalu, suspek lelaki berusia 35 dan 40 tahun itu mencari bilik sewa di sekitar Bangsar untuk dihuni bersama anak perempuannya, beberapa hari sebelum mayat Nurin ditemui dalam sebuah beg di Taman Petaling Utama, Petaling Jaya, pada 17 September lalu.

Susulan itu pemilik bilik sewa berkenaan membuat laporan polis sebelum lakaran wajah suspek terbabit diedarkan kepada media oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Christopher Wan Soo Kee.

Pemerhatian sekali imbas mendapati wajah suspek pembunuh Nurin dan penculik Fatiha mempunyai ciri wajah hampir sama terutama pada bahagian dahi, rambut, misai dan bibir.

Malah, lakaran wajah suspek dalam dua kes berasingan itu didapati mempunyai bentuk telinga dan hidung yang hampir sama.

Persamaan tidak mungkin disengajakan itu mencetus-



INI DIA......lakaran wajah suspek (kiri) dan lakaran suspek pembunuh Nurin Jazlin.

>Pasukan khas siasat kes budak kena culik

KUALA LUMPUR: Polis sudah membuat lakaran wajah 'lelaki kucing' yang menculik kanak-kanak perempuan berusia enam tahun, Nur Fatiha Zaidi, dari kawasan rumahnya Flet Desa Sepakat, Taman Sri Manja, Petaling Jaya di sini, Isnin lalu.

Fotofit wajah suspek dibuat berdasarkan keterangan dan gambaran yang diberikan kanak-kanak malang itu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, berkata perkara itu perlu dilakukan dengan rapi memandangkan ia membabitkan mangsa yang masih kanak-kanak.

"Lakaran wajah adalah sebahagian daripada proses siasatan polis bagi mengenal pasti suspek seterusnya memburu lelaki terbabit.

"Kami amat memerlukan kerjasama daripada orang ramai yang mengetahui kejadian itu supaya menyalurkan maklumat kepada polis," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sementara itu ketika bercakap kepada pemberita di Cyberjaya, Khalid berkata, beliau bimbang mengenai perkembangan kes jenayah membabitkan kanak-kanak, namun polis tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah terbabit jika orang

ramai enggan memberikan maklumat.

Berikutan sikap masyarakat yang sukar memberi kerjasama kepada polis, beliau menggesa orang ramai mengubah persepsi terhadap ungkapan 'menjaga tepi kain orang'.

"Kami berharap orang ramai peka terhadap keadaan di sekeliling mereka kerana apabila berlaku kejadian seperti ini, sudah tentu mereka mendapat tahu dan boleh memberikan maklumat kepada polis untuk bertindak segera," katanya pada sidang media selepas melancarkan Hari Bertemu Pelanggan, Kempen Pencegahan Jenayah dan RakanCop anjuran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang bersama Cyberview Sdn Bhd, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk Jamshah Mustapa; Pengarah Urusan Cyberview, Redza Rafiq Abdul Razak dan Ketua Polis Daerah Sepang, Superintendan Zahedi Ayob.

Khalid berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Polis Kuala Lumpur bagi memburu lelaki kucing melalui pasukan petugas khas yang dibentuk tidak lama dulu.

kan persoalan sama ada kedua-dua suspek lelaki sama yang sedang diburu polis.

Berdasarkan maklumat awal diberikan Fatiha kepada

polis kelmarin, suspek yang menculiknya lelaki Melayu yang menaiki motosikal hitam, berseluar pendek dan berbaju-T.